

21/07/2005

UMNO-AP

ISU AP TLH DIPERBESAR-BESARKAN, JEJAS TUMPUAN PADA AGENDA MELAYU

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Seruan beberapa pihak terhadap Datuk Seri Rafidah Aziz untuk memohon maaf kepada bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ekoran timbulnya kontroversi berkaitan Permit Kelulusan (AP) untuk mengimport kereta telah diperbesar-besarkan, kata Bendahari Pemuda Umno Datuk Mukhriz Mahathir.

Katanya, ia mesti dihentikan supaya tidak menjejaskan tumpuan perwakilan terhadap perkara penting lain.

"Saya rasa ia mesti dihentikan kerana kita mempunyai banyak lagi isu dan perkara penting lain untuk diperkatakan," katanya.

Mukhriz yang juga anak bongsu Tun Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita semasa waktu rehat tengah hari di Perhimpunan Agung Umno ke-56 yang sedang berlangsung sebagai mengulas isu AP membabitkan bapanya dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Berdasarkan apa yang saya dengar daripada rakan-rakan dan perwakilan, AP bukan isu utama tetapi (ia) telah menjadi isu peribadi. Oleh itu (sebab itu) ramai yang mahu beliau (Rafidah) memohon maaf," katanya.

Ditanya sama ada Ketua Wanita Umno itu perlu memohon maaf daripada bapanya, Mukhriz berkata beliau tidak boleh memberi nasihat tetapi mengulangi bahawa kebimbangan utama Dr Mahathir bukan AP tetapi kereta nasional.

Dr Mahathir ialah penasihat Proton, pembuat kereta nasional.

Mukhriz bagaimanapun berkata isu AP telah menjadi agak peribadi dan akan menjejaskan tumpuan perwakilan daripada membincangkan isu utama membabitkan Agenda Melayu.

"Agenda Melayu dibincangkan secara meluas pada perhimpunan agung tahun lepas namun malangnya politik wang menjadi tajuk utama. Saya harap kali ini, ia (isu AP) tidak mengalih perhatian," katanya.

Mengenai hubungan antara Rafidah dan Dr Mahathir, Mukhriz berkata mereka sudah lama mengenali satu sama lain dan dalam mana-mana keluarga, perselisihan kecil biasa berlaku yang akhirnya boleh diselesaikan dengan mudah.

"Masa yang menentukan. Saya tak rasa ia mengambil masa yang lama. Ia hanya perselisihan kecil," katanya.

Mukhriz berkata perkara seperti itu mudah diselesaikan kerana orang Melayu bersifat pemaaf dan akan memohon maaf sebagai cara mudah menyelesaikannya.

Sambil menyifatkan Rafidah sebagai rakan keluarga, Mukhriz berkata beliau menghormatinya sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri memandangkan beliau telah menjalankan tugas dengan baik.

Dr Mahathir telah melantik Rafidah sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam Mei 1997.

Rafidah adalah juga salah seorang daripada menteri yang paling lama berkhidmat di dalam kabinet selepas menyertainya dalam 1980 sebagai Menteri Perusahaan Awam.

-- BERNAMA

SHO AFY LAT AHM